


Azam pesilat membara

Tiga serangkai Singapura mahu pulang membawa pingat-pingat emas



SIAP UNTUK BERTARUNG: Tiga pesilat Singapura, dari kiri Abdul Latiff, Nazri Ibrahim dan Sheikh Alauddin sedang menunjukkan gaya masing-masing di luar gelanggang latihan. — Gambar BH oleh JERRY SEH.

PESILAT-PESILAT Singapura tidak akan tergugat dengan sorakan gemuruh penonton di gelanggang Kompleks Sukan Petronas, Kajang, petang ini.

"Matlamat kami memungut tiga pingat emas. Kami berharap dan berdoa agar ketiga-tiga pesilat kita berjaya memenuhi harapan itu," kata jurulatih pasukan silat olahraga Singapura, Mohamed Khamin Said.

Bagaimanapun, Khamin mengakui tugas yang dihadapi ketiga-tiga pesilatnya bukan tugas yang mudah. Mereka perlu mengatasi rintangan besar.

"Walaupun apapun keadaannya, fikiran dan tekad kami tetap bulat. Kami berazam untuk merebut tiga pingat emas melalui tiga pesilat kami," kata Khamin.

Pesilat-pesilat Singapura yang melayakkan diri ke pertandingan akhir ialah Abdul Latiff Thambi, Sheikh Alauddin Yacoob dan Nazri Ibrahim.

Latiff dan Nazri adalah muka baru dalam pertandingan acara silat Sukan SEA ini. Tetapi bagi Sheikh pula, ini adalah penampilannya yang kedua. Kali pertama, beliau disertakan dalam Sukan SEA Jakarta 1987.

"Malangnya, Sheikh tidak dapat menunjukkan kelakonan sebenar kerana beliau diserang campak," kata Khamin.

Jurulatih itu menyatakan, Sheikh akan menentang Wayan Mudra dari Indonesia, yang disifatkan sebagai pesilat bersemangat dan berpengalaman. Namun demikian, kegigihan dan semangat kental Sheikh dijangka dapat membantunya untuk mengatasi rintangan tersebut.

Sheikh, berusia 22 tahun dan bertugas sebagai seorang pegawai polis, tentu ingin menjadikan Sukan SEA ini sebagai satu sejarah. Ini disebabkan kemenangan pingat emas merupakan hadiah yang paling berharga bagi hari lahirnya pada 22 Ogos lalu.

Bagi Latiff, 25 tahun, beliau juga akan menentang pesilat Indonesia,

Slamet Latanggang, dalam Kelas A yang dikhususkan untuk pesilat-pesilat yang mempunyai berat badan antara 40 hingga 45 kilogram.

"Keyakinan itu tetap ada pada diri saya, kini hanya tinggal masanya untuk melaksanakan tugas tersebut," terang Latiff, seorang pekerja hotel.

Latiff dan Nazri merupakan pesilat Al-Haq, berazam untuk menjadikan segala impian matlamatnya itu satu kenyataan. **30 AUG 1989**

Sementara Nazri, berusia 23 tahun menghadapi tugas yang lebih berat. Ini bukan kerana beliau akan menentang pencabar yang lebih handal daripadanya, tetapi Nazri terpaksa menghadapi peserta Malaysia, Mohamed Azam Mukhtar dalam Kelas Bebas.

"Dari segi bentuk badan, lawan saya itu lebih besar dari saya, tetapi ini tidak akan melemahkan semangat saya untuk menentangnya.

Bahkan, Nazri, yang kini sedang menuntut di Universiti Nasional Singapura, lebih bersedia untuk menghadapi pertarungan tersebut. Beliau juga telah mengetahui sedikit sebanyak kelebihan dan kekurangan yang ada pada diri lawannya itu.

Tambahan pula, kehadiran bapanya, Mejar Ibrahim Bulat, bersama ibu dan adiknya akan menjadi pendorong kuat baginya.

"Saya akan melakukan segala yang terbaik," kata pesilat yang menduduki tempat ketiga dalam kejohanan nasional itu.

Singapura diwakili oleh sembilan pesilat olahraga lelaki dan lima wanita di Sukan SEA ini. Kini tinggal tiga pesilat yang berkenaan untuk menyempurnakan tugas terakhir mereka bagi mengatasi pencapaian satu pingat emas di Sukan SEA Jakarta dua tahun yang lalu.

Malaysia selaku tuan rumah berpeluang menambah bilangan pungutan pingat emas mereka kerana tujuh pesilat mereka melayakkan diri dari 15 acara yang terakhir ini.